

SIDANG MEDIA

KEMPEN UNTUK MENGGALAKKAN LEBIH BANYAK SYARIKAT KORPORAT UNTUK MENCARUM BAGI PEKERJA WANITA AGAR PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN DAPAT DINIKMATI

Sejak diluluskan di Parlimen pada bulan Disember 2022, dalam tempoh lebih dua tahun, seramai **3426 suri rumah** telah menerima manfaat melalui jumlah pembayaran faedah mencecah **RM4.23 juta**.

Ini selaras dengan jumlah pendaftaran **514,105** suri rumah pada tahun lepas sekaligus mencapai sasaran lebih 100% yang telah ditetapkan oleh YB Menteri Sumber Manusia, Steven Sim. Dengan adanya perlindungan ini, suri rumah yang sebelum ini tidak mempunyai jaringan keselamatan kewangan kini mendapat manfaat yang lebih baik dalam menangani situasi kecemasan seperti kemalangan, kehilangan pendapatan akibat kecederaan, atau penyakit serius. Kejayaan program ini membuktikan kepentingan sokongan berterusan daripada kerajaan, sektor korporat, dan masyarakat dalam memperkuuhkan sistem perlindungan sosial negara.

Penyertaan dalam program ini melibatkan tiga kategori utama, iaitu:

- **88% (452,781 wanita)** daripada penerima **bantuan eKasih, satu inisiatif kerajaan** yang menyasarkan golongan berpendapatan rendah.
- **9% (43,901 wanita)** daripada **caruman secara sukarela**, menunjukkan bahawa ramai individu menyedari kepentingan perlindungan insurans dan mengambil langkah proaktif untuk menyertai program ini.
- **3% (17,423 wanita)** melalui **tajaan** yang melibatkan **103 agensi**, menandakan komitmen tinggi **sektor swasta** dalam menyokong usaha kerajaan untuk memperkasa perlindungan sosial.

Namun masih ada lagi ramai suri rumah yang masih belum mendaftar, samada oleh ahli keluarga mereka, mahupun oleh syarikat dimana mereka bekerja. Walaubagaimanapun, pencapaian sasaran berjumlah lebih setengah juta suri rumah yang mendaftar adalah hasil daripada program-program yang diadakan oleh pegawai-pegawai PERKESO diseluruh negara – dari Perlis hingga Johor, Sabah dan Sarawak bersama wakil rakyat, Ahli Parlimen, Senator dan ADUN, mahupun oleh Ahli Majlis dan NGO, termasuklah oleh badan-badan swasta.

Menggunakan **Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967**, mana-mana syarikat yang menaja caruman secara sukarela bagi suri rumah boleh menikmati pelepasan cukai.

Sehingga Disember 2024, dari **103** agensi yang menaja, **14 agensi** telah mendapat **pelepasan cukai** berjumlah **RM587,040**, dengan menaja insurans untuk **4,892 wanita**. Pelepasan cukai ini bukan sahaja mengurangkan beban kewangan syarikat tetapi juga antara usaha menggalakkan lebih banyak entiti korporat menyertai usaha ini yang pastinya memanfaatkan golongan wanita.

Antara manfaat utama pelepasan cukai ini termasuklah, menggalakkan **tanggungjawab sosial korporat (CSR)** iaitu bagi syarikat yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat akan mendapat pengiktirafan sebagai entiti yang prihatin terhadap pembangunan sosial, meningkatkan moral pekerja dan reputasi syarikat dimana syarikat yang terlibat dalam program sosial seperti ini sering dilihat lebih bertanggungjawab dan prihatin, yang boleh meningkatkan daya saing mereka di pasaran, menarik pelaburan dan rakan niaga dimana syarikat yang melibatkan diri dalam inisiatif sosial sering mendapat sokongan daripada pelabur dan rakan strategik yang menghargai amalan perniagaan yang lestari serta mengurangkan kos cukai syarikat yang akan membantu mengimbangi kos yang dikeluarkan bagi program tajaan, menjadikan inisiatif ini lebih menarik kepada sektor korporat.

Agensi-agensi yang mendapat pelepasan cukai ini terdiri daripada pelbagai sektor termasuk pelaburan industri, perbankan, harta tanah, teknologi, perkhidmatan kewangan, pinjaman gadai janji, tekstil, pembuatan, logistik, hiasan dalaman, dan firma guaman. Ini menunjukkan kepelbagaian sektor yang terlibat dalam menyokong inisiatif ini.

Berikut adalah agensi-agensi yang mendapat pelepasan cukai korporat :

Nama AGENSI	SRB	Nilai RM
TROPICANA CORPORATION BERHAD	583	69,960.00
BERJAYA CORPORATION BERHAD	500	60,000.00
CIMB BANK BERHAD	500	60,000.00
SIME DARBY PROPERTY BERHAD	500	60,000.00
MESINIAGA BERHAD	500	60,000.00
MERCHANTRADE ASIA SDN BHD	500	60,000.00
MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK)	500	60,000.00
WTC KL HOLDINGS SDN BHD CTOS	500	60,000.00
CAGAMAS BERHAD	400	48,000.00
JAKEL TRADING SDN BHD	250	30,000.00
EASTERN PRETECH (MALAYSIA) SDN BHD	100	12,000.00
NORTHPORT (MALAYSIA) BHD	43	5,160.00
SPA INTEGRATED SDN BHD	13	1,560.00
SEKAR GILL & C.SUREN	3	360.00
JUMLAH	4,892	587,040.00

Sokongan daripada agensi-agensi ini membuktikan bahawa kerjasama antara sektor awam dan swasta mampu memberikan impak yang besar dalam membantu golongan yang memerlukan. Kami berharap lebih banyak syarikat akan menyertai inisiatif ini pada masa hadapan bagi memperluaskan lagi manfaat yang boleh dinikmati oleh suri rumah di Malaysia.

Sehingga tahun 2024, jumlah suri rumah yang mempunyai insurans aktif adalah seramai **514,105 wanita**. Ini mencerminkan kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan wanita terhadap kepentingan perlindungan insurans. Kami percaya jumlah ini akan terus bertambah dengan promosi dan kesedaran yang berterusan.

Jumlah kutipan **caruman** yang berjaya dikumpulkan setakat ini adalah sebanyak **RM54,622,693**, satu jumlah yang signifikan dalam memastikan kesinambungan dan keberkesanan perlindungan yang diberikan. Sehingga kini, jumlah faedah yang telah disalurkan kepada penerima manfaat adalah sebanyak **3426 penerima**, dengan jumlah tuntutan pembayaran sebanyak **RM4,231,370**. Ini menunjukkan bahawa program ini bukan sahaja menyediakan perlindungan tetapi juga berkesan dalam memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan.

Dilaksanakan pada Disember 2022, skim disediakan PERKESO ini turut berjaya membantu **lima wanita** menerusi program rehabilitasi untuk kembali berkhidmat dalam sektor ‘**care economy**’ atau **ekonomi ihsan**.

Melihat kepada kejayaan program ini, kami merancang untuk memperluaskan lagi liputan insurans kepada lebih ramai suri rumah di seluruh negara. Beberapa langkah yang sedang dipertimbangkan termasuk meningkatkan kesedaran melalui kempen-kempen pendidikan dan promosi yang lebih menyeluruh bagi memastikan lebih ramai wanita mengetahui manfaat program ini, kerjasama strategik untuk memperluaskan jaringan kerjasama dengan lebih banyak syarikat, institusi kewangan, dan badan bukan kerajaan bagi menaja lebih ramai penerima manfaat, kemudahan pendaftaran yang mudah serta pembayaran caruman melalui platform digital bagi meningkatkan aksesibiliti kepada semua golongan.

Kami berharap program ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada lebih ramai wanita di Malaysia. Dengan sokongan daripada agensi-agensi yang prihatin serta kesedaran masyarakat yang semakin meningkat, kita dapat memastikan kesejahteraan suri rumah terjamin menerusi perlindungan insurans yang menyeluruh.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk pegawai-pegawai PERKESO yang telah membantu menjayakan program ini, sama ada dari sektor kerajaan, swasta, atau masyarakat awam, wakil rakyat, ahli majlis dan NGO. Komitmen dan usaha berterusan ini akan memastikan program ini terus relevan dan memberi impak positif kepada lebih ramai penerima manfaat.

Kasthuri Patto

Pengerusi Jawatankuasa Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)